

Tanggungjawab Ibu Bapa Terhadap Anak-anak

Isu tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak kerap dibincangkan dalam media massa. Hal ini demikian kerana tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak memang banyak dan penting. Pada pendapat saya, ibu bapa mesti terbuka dalam menerima

_____ (1) daripada media massa dan pemimpin masyarakat kerana teguran yang diberi bertujuan untuk memperbaiki kelemahan yang berlaku. Gejala sosial di kalangan remaja dikatakan berpunca daripada kegagalan ibu bapa melaksanakan tanggungjawab mereka dalam mendidik anak-anak. Sebenarnya terdapat beberapa tanggungjawab yang mesti dilaksanakan oleh ibu bapa terhadap anak-anak mereka.

Tanggungjawab pertama ibu bapa terhadap anak-anak ialah memberikan _____ (2) yang secukupnya. Kasih sayang yang mencukupi daripada ibu bapa membolehkan anak-anak membesar dengan seimbang daripada segi emosi dan jasmani. Manakala anak yang kurang mendapat perhatian dan kasih sayang daripada ibu bapa, biasanya cenderung untuk menjadi anak-anak yang nakal dan kurang berdisiplin. Selain itu, jika anak-anak kerap dimarahi ibu bapa, mereka akan berasa tidak disayangi lalu mencari jalan keluar dengan lari dari rumah dan berkawan dengan remaja yang bermasalah. Oleh yang demikian, ibu bapa mestilah memberikan perhatian dan kasih sayang yang secukupnya kepada anak-anak pada setiap _____ (3).

Selain itu, ibu bapa juga sewajarnya menyediakan _____ (4) kepada anak-anak. Sesungguhnya, keperluan asas yang mencukupi dapat merangsang perkembangan diri yang seimbang. Antara keperluan asas yang diperlukan oleh anak-anak ialah makanan, pakaian dan _____ (5). Kegagalan ibu bapa menyediakan keperluan asas, akan menyebabkan anak-anak menghadapi masalah dalam menjalani kehidupan seharian. Oleh itu, ibu bapa perlu berbincang dan mencari jalan bagi menyediakan keperluan asas anak-anak mereka.

Ibu bapa juga bertanggungjawab untuk memberikan _____ (6) kepada anak-anak. Pendidikan yang diperlukan oleh anak-anak adalah pendidikan keagamaan dan keduniaan. Oleh itu, ibu bapa perlu menghantar anak-anak mereka ke sekolah rendah, menengah dan pusat pengajian tinggi untuk mendapatkan pendidikan yang sepatutnya. Apabila mereka cemerlang dalam pelajaran, anak-anak akan berpeluang mendapat pekerjaan yang baik dan gaji yang lumayan. Secara tidak langsung taraf hidup keluarga juga akan turut meningkat.

Di samping itu, ibu bapa juga bertanggungjawab menjaga _____ (7) anak-anak. Ibu bapa mesti memastikan anak-anak selamat ketika ibu bapa pergi bekerja. Jika anak-anak bersekolah, ibu bapa perlu memastikan anak-anak selamat dalam perjalanan pergi dan balik dari sekolah. Jika anak-anak sakit pula, ibu bapa perlu menghantar anak ke klinik bagi mendapatkan _____ (8). Sewajarnya juga ibu bapa membeli atau menyewa rumah di tempat yang mempunyai ciri-ciri keselamatan seperti tidak berdekatan dengan jalan raya yang sibuk.

Ibu bapa juga perlu membantu anak-anak menyelesaikan masalah yang dihadapi. Kebiasaannya anak-anak menghadapi masalah dalam pengangkutan pergi dan balik dari sekolah. Ibu bapa boleh menyelesaikan masalah ini dengan mendapatkan perkhidmatan

_____ (9) yang berdekatan dengan rumah mereka. Jika ibu bapa ada masa lapang, ibu bapa boleh menghantar dan mengambil anak mereka dari sekolah. Jika anak-anak menghadapi masalah perhubungan dengan rakan di sekolah, ibu bapa boleh membantu dengan memberikan _____ (10) kepada anak-anak mereka.

Sebagai kesimpulan, jelaslah bahawa ibu bapa mempunyai tanggungjawab terhadap anak-anak mereka. Kejayaan ibu bapa melaksanakan tanggungjawab ini akan memberikan kesan positif kepada _____ (11) anak-anak mereka. Pada pendapat saya, anak-anak yang cemerlang akan menjadi _____ (12) negara dan membantu dalam pembangunan negara. Bagi anak-anak pula, setelah berjaya dalam pelajaran, jasa ibu bapa perlu dibalas dengan sewajarnya. Sesungguhnya kejayaan membentuk anak-anak yang cemerlang memerlukan _____ (13) daripada pelbagai pihak, termasuk pihak kerajaan.

teguran 如 劝告 tempat tinggal 如 住所 keselamatan 如 安全 pengangkutan 如 交通 kasih sayang 如 关爱 masa depan 如 未来 keperluan asas 如 基本需求	kerjasama 如 合作 masa 如 时间 aset 如 资产 kata-kata nasihat 如 忠告 pendidikan 如 教育 rawatan 如 治疗
---	---